

MINGGUAN: Apakah tujuan di sebalik menetapkan fokus bulanan ini? Bolehkah Datuk Seri jelaskan dalam konteks fokus bulan ini (April), iaitu program pembastarian sekolah?

HISHAMMUDDIN: Ia seperti serampang dua mata. Dari satu segi, ia untuk membantu warga KPM dan orang ramai memahami teras-teras dalam PIPP, program dan projek yang ada di dalam teras-teras tersebut dan status pelaksanaannya yang terkini. Dari segi yang lain pula, ia membantu warga KPM agar tindakan mereka lebih berfokus, mempunyai sasaran dan bertindak melaksanakan program-program ini dalam satu pakej dengan segera dan tanpa berlembang-lembang lagi. Lebih-lebih lagi kerana kita perlu melaporkan pelaksanaannya kepada Jemaah Menteri dari semasa ke semasa dan kepada orang ramai dua kali setahun, bermula bulan Jun tahun ini.

Misalnya dalam bulan ini, kita akan memaklumkan kepada orang ramai tentang pelaksanaan dua program utama iaitu pertamanya, program pembastarian sekolah dan keduanya, usaha pemantapan dan penjenamaan semula 88 sekolah bestari.

Dalam bulan ini kita akan berusaha memberikan penjelasan kepada orang status pelaksanaan kedua-dua program ini, sejauh mana ia telah dilaksanakan sejak bermulanya Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), sejauh mana kejayaan atau kekeangan yang dihadapi seterusnya langkah-langkah yang hendak diambil atau tindakan penambahbaikan yang perlu dilakukan sepanjang tempoh RMK-9 ini bagi memastikan matlamat pelan induk pendidikan ini dapat dicapai.

Pada waktu yang sama, kita akan melaksanakan juga program-program yang telah kita rancang seperti melaksanakan latihan kepada guru dalam ICT, mengadakan pusat akses di sekolah-sekolah, membentuk kerjasama dengan pihak luar KPM bagi membantu mempercepatkan proses pembastarian di sekolah-sekolah dan sebagainya.

Ini yang saya maksudkan bila saya katakan kita bukan sahaja menerangkan kepada rakyat tapi juga melaksanakan segala program yang telah dirancang dalam PIPP.

Boleh Datuk Seri jelaskan kenapa ada dua program berbeza, pembastarian sekolah dan 88 buah sekolah bestari?

HISHAMMUDDIN: Dari segi takrifan, kita takrifkan program pembastarian sekolah sebagai proses berterusan ke arah pembudayaan penggunaan ICT dalam pendidikan bagi meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran, keberkesanan pengurusan dan pentadbiran sekolah serta kompetensi guru.

Program pembastarian sekolah melibatkan usaha melengkapkan semua sekolah KPM dengan infrastruktur, perkakasan, perisian dan aplikasi, latihan guru serta program pengurusan perubahan (*change management*) yang bersesuaian dan mencukupi.

Sewaktu saya mula berada di KPM, saya dapati inisiatif-inisiatif ICT di KPM ini begitu banyak, tetapi dilaksanakan secara terpisah-pisah dan berasingan. Ada juga yang berada di bawah tanggungjawab kementerian yang lain, seperti akses Internet jalur lebar, makmal komputer dan sekolah bestari.

Kita sedia maklum bahawa KPM adalah sebuah kementerian yang besar. Sukar untuk pegawai-pegawainya mengetahui setiap inci ruang di dalam kementerian ini. Apalagi mereka yang berada di luar KPM. Kerana itu bila makmal komputer dibina, objektifnya hanya untuk menyiapkan makmal, tetapi


pihak luar mungkin tidak tahu ruang yang dipunyai sekolah, sama ada bekalan elektrik ada atau tidak, sama ada guru terlatih atau tidak dan sebagainya.

Akhirnya, makmal dibina atas padang, dibina di sekolah-sekolah yang tiada bekalan elektrik dan ditempatkan di sekolah-sekolah yang kurang guru atau gurunya tidak terlatih menggunakan ICT dan sebagainya. Objektif mereka hanya untuk siapkan makmal dan mereka akan menyiapkan makmal tanpa mengambil kira faktor-faktor ini.

Misalnya di Kalabakan, ada sekolah yang diberikan komputer, tetapi kita dapati, ada sekolah yang mempunyai sistem pendawaian yang usang dan tidak sesuai. Ada juga sekolah yang tidak mendapat bekalan elektrik yang mencukupi kerana hanya mempunyai generator berkuasa kecil.

Ada kalanya inisiatif-inisiatif ini bertindih dan menyebabkan pertambahan beban tugas dan penbazarin. Paling ketara adalah latihan kemahiran ICT untuk guru-guru. Bukan sahaja bahagian-bahagian di dalam KPM yang melaksanakan pelbagai jenis latihan, malah pihak ketiga, seperti pemain industri, Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) dan sekolah turut melaksanakan latihan yang mungkin hampir serupa. Ini belum termasuk aspek perisian kursus dan aplikasi yang digunakan di sekolah-sekolah.

Jadi dalam tempoh dua tahun ini kita berusaha untuk menyelaraskan dan mempekatkan semula semua inisiatif ICT KPM, seperti yang utamanya, projek makmal komputer dan pengkomputeran sekolah, program Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI), akses



ICT: Kita tidak boleh gagal

Mukadimah

UM - 8/4/2007

SEPERTI diketahui umum, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi telah pun melancarkan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010 pada 16 Januari lalu. Ia bertujuan melonjakkan tahap kecemerlangan sekolah dan mengangkat imej sistem pendidikan negara di mata dunia.

PIPP menggariskan enam teras strategik bagi melahirkan modal insan yang cemerlang, produktif dan kreatif ke arah membantu Misi Nasional menjadikan Malaysia sebuah negara maju.

Enam teras itu ialah membina negara bangsa; membangunkan modal insan; memperkasakan sekolah kebangsaan; merapatkan jurang pendidikan; memartabatkan profesion keguruan; dan melonjakkan kecemerlangan institusi pendidikan. Bagi tujuan itu fokus bulanan ditetapkan bagi menerangkan status projek dan program yang dirancang dalam PIPP.

Dan memasuki bulan April ini, tumpuan Kementerian ialah melaksanakan teras ketiga iaitu memperkasakan sekolah kebangsaan dalam konteks pembastarian sekolah dan inisiatif Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM).

Bagi Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein, beliau bersyukur kerana telah melalui pelaksanaan dua teras utama dalam tempoh dua bulan sejak ia dilancarkan termasuk Lonjakan Perdana Pendidikan luar bandar dan melonjakkan kecemerlangan institusi pendidikan.

"Saya dapat lihat pegawai-pegawai saya memahami dengan jelas apa yang tertulis dalam pelan induk dan sedang melaksanakannya," katanya kepada *Mingguan Malaysia* baru-baru ini.

Ditanya sama ada rentak beliau tidak terlalu laju dalam melaksanakan program ini, beliau berkata: "Sebenarnya saya tidak ada cara yang lebih baik untuk mendalami PIPP ini selain dari berusaha melaksanakan atau paling tidak terlibat dalam pelaksanaannya."

Bagi Hishammuddin, melalui fokus bulanan ini, semua bahagian dapat bekerjasama sebagai satu pasukan dan mereka semakin berkemampuan untuk mempekatkan produk masing-masing sebagai satu pakej berdasarkan teras-teras dalam PIPP.

Mulai bulan ini, April, Kementerian Pelajaran melaksanakan program pembastarian sekolah dan pemantapan serta penjenamaan semula 88 sekolah bestari di seluruh negara. Ia bagi merealisasikan teras ketiga PIPP 2006-2010, iaitu memperkasakan sekolah kebangsaan.

DATUK SERI HISHAMMUDDIN TUN HUSSEIN

Kali ini kita tidak mahu lagi bila kita membina makmal, ia dibina di atas padang, di sekolah yang tiada bekalan elektrik mencukupi dan tiada guru berkemahiran dalam ICT

- Hishammuddin Tun Hussein

bestari tidak berjaya dan tidak mencapai tahap yang disasarkan?

HISHAMMUDDIN: Sebenarnya ada di kalangan 88 buah sekolah ini yang berjaya dan telah mencapai tahap yang kita tetapkan. Bagaimanapun saya rasa kita perlu berlaku adil juga terhadap sekolah yang masih belum mencapai tahap yang kita inginkan.

Seperti yang kita sedia maklum, idea mengenai sekolah bestari timbul sekitar tahun 1995 dan kita telah merintis pelaksanaannya pada tahun 1999.

Teknologi pada masa itu berbeza dengan teknologi yang ada pada tahun 2007. Teknologi lama inilah yang digunakan dalam penyediaan infrastruktur, perkakasan dan aplikasi yang digunakan oleh sekolah-sekolah bestari ini.

Ketika itu juga negara sedang mengalami krisis mata wang. Disebabkan itu kebanyakan sekolah rintis bestari tidak mempunyai infrastruktur yang sempurna dan perkakasan yang mencukupi. Malah ketika ini, di sekolah-sekolah yang lebih lambat menerima bekalan server dan komputer dari KPM mempunyai server dan komputer yang lebih baik spesifikasi dan lebih berkuasa.

Pada ketika itu juga belum diperkenalkan program pengurusan perubahan (*change management*) untuk memastikan perubahan sepenuhnya budaya di dalam sekolah dan penerimaan pembudayaan penggunaan ICT di sekolah.

Jelasnya, kita tidak boleh mengharapkan 88 buah sekolah ini berada sebaris dengan teknologi usang dan perkakasan yang lebih terkebelakang dari sekolah-sekolah lain.

Jadi kita perlu *re-visit* dan meneliti semula setiap kelemahan serta kita perlu melihat trend dunia ketika ini. Kita akan melihat dari pelbagai segi, termasuklah dari segi polisi, sumber manusia dan kewangan. Selepas meneliti semula pelaksanaan sekolah bestari dari segala sudut, termasuk trend terkini di negara-negara yang lebih maju, barulah kita boleh mencari jalan untuk melonjakkannya ke hadapan.

Sekiranya untuk melonjakkan 88 buah sekolah ini kita memerlukan perubahan polisi, kita akan mencadangkan perubahannya. Jika kita perlukan perubahan kepimpinan di sekolah ataupun di kementerian, kita akan melakukannya. Jika kita memerlukan lebih peruntukan untuk menaik taraf infrastruktur,

perkakasan dan sebagainya, maka kita akan meminta lebih peruntukan dari kerajaan. Yang penting, program ini mesti berjaya. Inilah yang dimaksudkan tentang penjenamaan, pemantapan dan penanda arasan 88 sekolah bestari.

Dulu ada sekolah bestari dan sekarang sekolah kluster. Dengan wujudnya sekolah kluster tidakkah ia menggugat pelaksanaan sekolah bestari?

HISHAMMUDDIN: Untuk tidak mengelirukan orang ramai, saya suka menerangkan bahawa 88 buah sekolah bestari adalah sekolah-sekolah yang terpilih di dalam aplikasi perdana MSC. Sekolah-sekolah ini tiada pilihan, melainkan mesti menjadi sekolah ini dalam program, manakala mesti menjadi model pelaksanaan pengintegrasian ICT yang boleh diikuti oleh semua sekolah yang lain di dalam negara. Mereka juga tidak mempunyai pilihan kerana mereka juga akan menjadi sekolah-sekolah yang hendak dijadikan *showcase* di peringkat antarabangsa. Bidang mereka adalah pengintegrasian ICT.

Sedangkan dalam konsep kluster kecemerlangan, sekolah-sekolah ini diberi pilihan untuk memilih *niche areas* yang diingini. Pentadbir-pentadbir sekolah ini juga diberikan autonomi tertentu untuk melonjakkan kecemerlangan sekolah masing-masing ke tahap dunia di dalam *niche areas* yang dipilih.

Sebenarnya ada di kalangan sekolah-sekolah bestari yang tersenarai dalam kluster kecemerlangan. Misalnya dari kluster sekolah berasrama penuh (SBP), Sekolah Alam Shah dan Kolej Islam Klang.

Sekolah bestari bukan salah satu kluster di dalam kluster kecemerlangan yang terdiri dari jenis sekolah, aliran dan juga lokasi di dalam sistem persekolahan kita seperti kluster SBP, kluster sekolah menengah kebangsaan agama (SMKA), kluster sekolah menengah teknik (SMT) dan beberapa kluster lagi seperti yang dimaklumkan sebelum ini.

Jadi tidak timbul sama sekali soal persaingan. Sebaliknya, ada persamaan dari segi pendekatan pelaksanaan kedua-duanya. Kedua-duanya jatuh dalam pendekatan kita yang kedua dalam melaksanakan PIPP, iaitu untuk melonjakkan kecemerlangan institusi pendidikan. Dalam hal ini, perhatian yang lebih khusus diperlukan dan pendekatan *one size fits all* tidak boleh digunakan untuk memastikan kecemerlangan kedua-duanya.

Internet jalur lebar *School-Net*, pembangunan perisian kursus, pusat akses, TV Pendidikan, termasuklah sekolah bestari telah kita selaraskan dan kita pakejkan sebagai program pembastarian sekolah.

Dalam usaha untuk membastarian semua sekolah ini, kali ini kita tidak mahu lagi bila kita membina makmal, ia dibina di atas padang, di sekolah yang tiada bekalan elektrik mencukupi, yang ada masalah pendawaian dan yang tiada guru berkemahiran dalam ICT. Saya tidak mahu lagi inisiatif ICT yang ingin kita perluaskan ke sekolah-sekolah dilihat secara terpisah-pisah. Saya mahu ia dipakejkan dengan baik dan disinerjikan agar impaknya terhadap pelajar, guru dan sekolah dapat dimaksimumkan.

Bagaimana pula 88 buah sekolah bestari? Apa yang Datuk Seri maksudkan sebagai pemantapan dan penjenamaan semula 88 sekolah ini?

HISHAMMUDDIN: Seperti yang saya sering sebutkan, di dalam melaksanakan PIPP, kita ada dua pendekatan, pertama untuk menyelesaikan tugas-tugas yang masih belum selesai seperti untuk mengadkan akses, memastikan ekuiti, merapatkan jurang dan sebagainya. Pendekatan kedua pula adalah untuk berusaha melonjakkan tahap kecemerlangan sekolah dan institusi yang telah bersedia ke suatu tahap yang lebih tinggi lagi agar dapat mengangkat imej sistem pendidikan negara di mata dunia.

Pembastarian sekolah jatuh di dalam pendekatan pertama, tetapi pemantapan 88 sekolah bestari adalah datang dari pendekatan kedua.

Sekolah bestari adalah salah satu daripada tujuh Aplikasi Perdana (*flagship*) di dalam Koridor Raya Multimedia (MSC) dan merupakan salah satu daripada inisiatif ICT utama KPM. Projek rintis sekolah bestari dimulakan pada tahun 1999 hingga 2002 dengan kerjasama Multimedia Development Corporation (MDeC). Memandangkan ia merupakan salah satu dari aplikasi perdana MSC, maka kita tidak boleh gagal. Kita mesti memastikan kejayaannya. Jadi perhatian yang berbeza perlu diberikan kepada 88 sekolah ini.

Saya telah meminta MDeC menerajui usaha untuk memantap dan menjenamakan semula 88 buah sekolah ini. Usaha pemantapan dan penjenamaan semula ini penting atas dua sebab, pertamanya supaya 88 sekolah ini dapat dijadikan model dan penanda aras (*benchmark*) terhadap usaha membastarian kesemua 10,000 sekolah.

Kedua, melalui usaha pemantapan dan penjenamaan semula ini juga, diharapkan 88 buah sekolah bestari ini boleh dilonjakkan untuk dijadikan *showcase* dan rujukan kepada masyarakat dunia.

Terdapat cakap-cakap bahawa 88 buah sekolah

Ubah cara guru mengajar, murid belajar

BOLEH Datuk Seri jelaskan apakah ciri-ciri sekolah yang telah dibastarian agar orang ramai tahu sama ada sesuatu sekolah ini telah dibastarian atau tidak?

HISHAMMUDDIN: Saya melihat ciri-ciri ini dari empat aspek. Pertama, dari segi perkakasan, iaitu nisbah komputer kepada pelajar dan guru dan masa dedahannya, akses Internet jalur lebar dan rangkaian setempat (LAN) di dalam sekolah yang menghubungkan semua perkakasan dengan infrastruktur yang dibangunkan. Kedua, dari segi aplikasi dan perisian kursus yang dihantar ke sekolah. Ketiga, dari segi pengintegrasian ICT di dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P) dan keempat, pengintegrasian di dalam pentadbiran dan pengurusan sekolah.

Melalui pelbagai inisiatif utama KPM, misalnya makmal komputer dan pusat akses, diharapkan nisbah komputer kepada pelajar dapat dikurangkan kepada sekurang-kurangnya 1:20 dari 1:40 dan masa dedahan pelajar terhadap komputer dapat ditingkatkan. Melalui PPSMI, diharapkan juga agar nisbah komputer kepada guru dapat dikurangkan kepada sekurang-kurangnya 1:2.

Semua sekolah yang dibastarian mesti dirangkaikan dengan capaian Internet jalur lebar dan infrastruktur serta perkakasan di sekolah dirangkaikan secara setempat.

Guru-guru dan murid diharapkan mempunyai kemahiran mengintegrasikan pelbagai bahan pendidikan dan perkakasan ICT di dalam pengajaran dan pembelajaran, manakala pentadbir sekolah menggunakan ICT di dalam pengurusan dan pentadbiran.

Untuk mengukur tahap pembudayaan ICT di sekolah, MDeC diminta membangunkan satu instrumen yang dikenali sebagai *Smart School Qualification Standard (SSQS)* dan menggunakan sistem *star ranking*.

Sejauh mana kejayaan program pem-

bestarian sekolah setakat ini?

HISHAMMUDDIN: Kementerian berusaha untuk membangunkan infrastruktur dan membekalkan perkakasan ICT ke semua sekolah, menyediakan kemudahan capaian Internet jalur lebar, membangunkan rangkaian setempat di dalam sekolah, mengadakan program latihan, memasukkan elemen berkaitan ICT di dalam kurikulum, memperkenalkan program ICT di peringkat persekolahan dan sebagainya.

Sehingga berakhir RMK-8, kita telah merangkaikan 97 peratus sekolah dengan akses Internet jalur lebar. Bakiya adalah sekolah-sekolah yang tidak mempunyai bekalan elektrik 24 jam dan tidak mencukupi. Kita juga telah membangunkan 4,500 buah makmal komputer dan membekalkan 99,000 unit komputer ke sekolah-sekolah. Bagaimanapun sehingga Disember tahun 2006, kita sudah ada 5,266 buah makmal. Bagi sekolah kurang murid (SKM), kita akan mengadakan bilik komputer dan di sekolah-sekolah yang tidak mempunyai ruang atau di pedalaman mungkin kita akan memperkenalkan konsep kabin.

Di samping itu sebanyak 1,584 pusat akses diadakan di sekolah-sekolah dan melalui pusat ini sebanyak 15,840 unit komputer dibekalkan ke sekolah-sekolah yang terlibat.

Satu lagi perkara baru di dalam usaha kita membastarian semua sekolah adalah dengan menggunakan pendekatan baru di dalam penyebaran bahan-bahan TV Pendidikan. Dengan memperkenalkan penyebaran bahan TV Pendidikan melalui penyiaran di televisyen dan penggunaan teknologi TV web, hari ini guru dan pelajar boleh memanfaatkan bahan-bahan TV Pendidikan secara 'on-demand'. Dengan TV web ini, tidak perlu lagi membawa murid-murid menonton TV Pendidikan, sebaliknya menggunakan *notebook*, projektor dan skrin di dalam kelas.

Dengan teknologi tanpa wayar dan dengan kelajuan capaian Internet jalur lebar yang tinggi, bahan-bahan ini boleh diguna dari dalam kelas secara terus. Bahan pengajaran dan pembelajaran boleh disampaikan melalui penyiaran program secara langsung, wawancara, rencana, berita, *chat room*, SMS, *video conferencing* dan sebagainya. Bahan-bahan yang disiarkan boleh dimuat turun, disimpan dalam pelayan (*server*) atau sistem pengurusan pembelajaran (*Learning Management System*).

Saya sekadar memberikan beberapa contoh dan ini belum termasuk pembekalan aplikasi dan perisian kursus, latihan guru dan program pengurusan perubahan yang sedang dilaksanakan di sekolah-sekolah.

Bila agaknya hasrat membastarian semua sekolah tercapai?

HISHAMMUDDIN: Saya yakin kita dapat membastarian semua sekolah KPM menjelang tahun 2010 dari segi pembekalan perkakasan ICT. Dengan apa yang kita bekalkan ketika ini melalui inisiatif ICT utama KPM yang saya sebutkan tadi, boleh dikatakan hampir semua sekolah kita sudah dibastarian. Bagaimanapun dari segi pembudayaan ICT sepenuhnya, ia mungkin akan mengambil sedikit masa. Mungkin akan berlaku sepenuhnya selepas tahun 2010.

Untuk melihat sama ada pelaksanaan inisiatif ICT yang sedang dilaksanakan oleh KPM adalah bertepatan dengan keperluan pendidikan masa kini dan memastikan usaha pembastarian kita sentiasa berada pada landasan yang betul, KPM telah melantik pihak-pihak ketiga untuk membuat kajian-kajian yang berkaitan. Misalnya kita telah melantik sebuah syarikat juruperunding, iaitu MSCCT untuk melaksanakan audit ke atas semua inisiatif dan program ICT yang telah dilaksanakan oleh KPM.

Begitu juga dengan kerjasama MDeC, melalui usaha pembastarian sekolah ini, kita mempunyai banyak pengalaman yang boleh kita kongsi dengan negara luar. Misalnya dalam usaha merapatkan jurang pendidikan dan jurang digital antara kawasan bandar dan luar bandar. Begitu juga di dalam pendidikan agama Islam dan program Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris.

Akhirnya, apakah hasrat dan matlamat yang ingin Datuk Seri capai melalui program pembastarian ini?

HISHAMMUDDIN: Saya ingin melihat perubahan di dalam cara guru kita mengajar dan cara anak-anak kita belajar. Saya mahu melihat melalui penggunaan ICT, terdapat perubahan di dalam cara pentadbir di sekolah menguruskan sekolah dan menjadikannya lebih cekap dan berkesan.

Dengan ICT, kita boleh mempercepatkan perubahan di dalam sekolah dan sistem pendidikan kita. Dengan kurikulum yang betul dan apabila ICT diintegrasikan serta dipasangkan dengan perkakasan, aplikasi, perisian dan latihan yang betul dan mencukupi, saya berharap modal insan kita dapat dipersiapkan untuk berhadapan dengan cabaran globalisasi dan era k-ekonomi.

Sebelum bulan ini berakhir, saya berharap kita dapat merumuskan polisi dan halatuhu baru 88 sekolah bestari dan program pembastarian sekolah. Kejayaan kedua-duanya sangat penting kerana ia akan menentukan keupayaan Malaysia, lebih-lebih lagi apabila kita akan berkongsi pengalaman kita ini nanti semasa menjadi tuan rumah mesyuarat Southeast Asian Ministers of Education Organization (SEAMEO) di Malaysia pada tahun 2008 dan semasa Persidangan Menteri-Menteri Pendidikan Commonwealth di Malaysia pada tahun 2009.

Saya mahu melihat melalui penggunaan ICT, terdapat perubahan di dalam cara pentadbir di sekolah menguruskan sekolah dan menjadikannya lebih cekap dan berkesan

- Hishammuddin Tun Hussein